

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 19/04/2020
Edisi / Muka Surat : Nasional / 29
Tajuk : Boleh mohon CBRM secara online

Boleh mohon CBRM secara online

Usahawan PKS yang terjejas akibat Covid-19 kini boleh membuat permohonan pinjaman menerusi dalam talian

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA LUMPUR

Kerajaan mewujudkan permohonan secara dalam talian bagi Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (CBRM) untuk memudahkan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas akibat pandemik koronavirus (Covid-19) membuat permohonan pinjaman. Menteri Pembangunan Usa-

hawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pendekatan itu diambil selepas menyedari kesukaran termasuk dakwaan syarat yang terlalu ketat dikenakan sehingga menyukarkan PKS membuat pinjaman melalui Kemudahan Bantuan Khas (KBK).

Menurutnya, sehingga kelmarin Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional telah menerima sebanyak 7,681 permohonan di bawah skim tersebut yang memperuntukkan bantuan berjumlah RM200 juta.

"TEKUN Nasional melalui pendekatan mesra usahawan telah memudahcara permohonan CBRM yang pada awalnya diperkenalkan permohonan pinjaman melalui kaedah *Google Form* dan e-mel.

"Bagi memudahkan PKS, bermula pada 16 April lalu, per-



Peniaga kedai runcit yang beroperasi di Kuala Lumpur, Mahadzir M Hassan menunggu pelanggan di hadapan kedainya. Beliau adalah antara peniaga PKS yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Gambar kecil: Dr Wan Junaidi.

mohonan dalam talian telah diwujudkan. Usahawan boleh membuat permohonan dengan mengisi pautan <http://fas.tekun.gov.my/cbrm/>," katanya dalam

satu kenyataan di sini semalam.

Pada 6 April lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi PKS Pri-

hatin Tambahan sebanyak RM10 bilion.

Ia termasuk pinjaman mudah RM200 juta untuk perusahaan mikro yang akan diberikan melalui TEKUN Nasional dengan had pinjaman maksimum sebanyak RM10,000 untuk setiap syarikat dengan kadar faedah sifar.

Mengulas lanjut, Dr Wan Junaidi berkata, hanya dokumen minimum yang perlu disertakan iaitu salinan MyKad pemohon dan pasangan, lesen perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pihak berkuasa tempatan (PBT) atau dokumen lain yang mengesahkan perniagaan dan salinan salah satu bil utiliti.

Menurutnya, pemohon juga perlu menandatangani borang penzahiran (*declaration*) dan menyertakan penyata bank terkini untuk tempoh sebulan.